

Bahasa Kasar dalam Komunikasi Digital: Ancaman terhadap Kelestarian Budaya Sopan

MASLIDA YUSOF*
KARIM HARUN
WAN ROBIAH MEOR OSMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia

SALINAH JA'AFAR
Universiti Malaya

RUSMADI BAHARUDDIN
Persatuan Linguistik Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan fenomena penularan bahasa kasar dalam komunikasi digital yang kini menjadi ancaman serius terhadap kelestarian budaya kesantunan di Malaysia. Permasalahan berpunca daripada keterbukaan media sosial yang membolehkan pengguna melontarkan komen tanpa sempadan, sehingga mencetuskan normalisasi ketidaksantunan dalam ekosistem digital. Tujuan utama makalah ini adalah untuk meneroka faktor berleluasanya penggunaan bahasa kasar dalam interaksi di media sosial serta kesannya terhadap amalan adab pertuturan masyarakat. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan digunakan dengan menyandarkan analisisnya kepada Teori Kesan Ketidakterkendalian dalam Talian (Suler, 2004). Sebanyak 7,757 komen daripada isu tular berkaitan politik, isu 3R (Agama, Kaum, Raja) dan jenayah di platform Facebook telah diteliti. Hasil dapatan menunjukkan lapan kategori bahasa kasar yang dominan digunakan dengan kategori intelek (31%), haiwan (27%) serta anggota badan dan biologi (16.2%). Dapatan kajian mendedahkan bahawa faktor Ketanpanamaan Disosiatif, Ketidaklihatan, asinkroni, Introjeksi Solipsistik, Imaginasi Disosiatif dan Pengurangan Status dan Kuasa di ruang siber telah meruntuhkan benteng empati dan kawalan sendiri pengguna. Implikasi kajian menegaskan bahawa sekiranya trend ini tidak dibendung, identiti sosiolinguistik masyarakat Malaysia yang berasaskan kesopanan berbahasa dan penjagaan air muka akan terus terhakis dan digantikan dengan ekosistem komunikasi yang toksik. Kajian ini mencadangkan pemeraksanaan literasi sosiobudaya digital bagi membina semula etika berkomunikasi yang sihat dalam kalangan warga siber.

Kata kunci: *Bahasa kasar, komunikasi digital, kesantunan berbahasa, ketidakterkendalian dalam talian, normalisasi linguistik.*

Offensive Language in Digital Communication: A Threat to the Sustainability of Politeness Culture

ABSTRACT

This study discusses the phenomenon of escalating offensive language in digital communication, which poses a significant threat to the sustainability of politeness culture in Malaysia. The research problem arises from the openness of social media platforms, which allow users to express comments without boundaries, thereby contributing to the normalization of impoliteness within the digital

*Corresponding author: maslida@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2026-4201-19>

Received: 12 July 2025 | Accepted: 27 March 2026 | Published: 31 March 2026

ecosystem. Consequently, the primary objective of this paper is to explore the factors contributing to the widespread use of offensive language in social media interactions and its impact on traditional societal speech etiquette. This study utilises a qualitative approach, employing a qualitative content analysis design, and is anchored in the Online Disinhibition Effect Theory (Suler, 2004). A total of 7,757 comments from viral issues related to politics, 3R (Religion, Race, Royalty), and crime on the Facebook platform were analysed. The findings reveal eight dominant categories of offensive language, with references to intellect (31%), animals (27%), and body parts and biological aspects (16.2%) being the most prevalent. The discussion highlights that factors such as Dissociative Anonymity, Invisibility, Asynchronicity, Solipsistic Introjection, Dissociative Imagination and Minimization of Authority in cyberspace have dismantled barriers to empathy and user self-control. The study's implications emphasise that if this trend remains unchecked, the sociolinguistic identity of the Malaysian community which is rooted in linguistic politeness and the preservation of "face" will continue to erode and be replaced by a toxic communication ecosystem. This research proposes the empowerment of digital sociocultural literacy to reconstruct healthy communication ethics among netizens.

Keywords: *Offensive language, digital communication, linguistic politeness, online disinhibition, linguistic normalization.*

PENGENALAN

Keterbukaan media sosial membolehkan sesiapa sahaja melontarkan komen dan pandangan tanpa sempadan. Namun, fenomena ini turut menyumbang kepada peningkatan penggunaan bahasa kasar yang kian menjadi kelaziman. Menurut Azean (2022), media sosial dijadikan platform yang mendorong pengguna menggunakan bahasa yang kasar. Bahasa kasar juga dikaitkan dengan bahasa kesat semakin meluas digunakan dalam setiap hantaran di laman media sosial masyarakat pada hari ini tanpa mengira peringkat umur dan latar belakang (Amirah Syazwani, 2022), sehingga bahasa kasar dianggap sebagai tingkah laku biasa yang telah meresap ke dalam semua bentuk teknologi komunikasi manusia.

Dalam konteks komunikasi, fenomena ini menuntut perhatian serius kerana ia mencerminkan peralihan paradigma dalam etika interaksi manusia-kepada-manusia berbantuan komputer (*Computer-Mediated Communication*). Justifikasi kajian ini terletak pada keperluan untuk memahami bagaimana kualiti interaksi digital terjejas apabila bahasa kasar menjadi norma, yang secara langsung mengancam keberkesanan penyampaian mesej dan mencetuskan herotan dalam proses komunikasi sosial. Kegagalan mengawal selia kesantunan berbahasa di ruang siber bukan sahaja merendahkan standard wacana awam, malah boleh merencat fungsi media sosial sebagai medium pembinaan komuniti yang sihat dan inklusif. Justeru, penularan bahasa kasar di platform digital menimbulkan persoalan tentang kelestarian nilai-nilai kesopanan berbahasa dalam kalangan pengguna dunia maya. Dengan demikian makalah ini akan menelusuri faktor berleluasanya penggunaan bahasa kasar dalam komunikasi di platform media sosial yang memberi ancaman kepada amalan kesantunan berbahasa masyarakat terdahulu yang mementingkan amalan hormat menghormati, bertoleransi serta sopan santun dalam menjaga adab pertuturan mereka (Asma, 1996).

SOROTAN LITERATUR

Kajian bahasa kasar atau kesat telah mendapat perhatian pengkaji tempatan sebelum kehangatan penggunaan media sosial lagi. Namun dengan perkembangan pesat media sosial yang telah menjadi platform komunikasi utama dalam kalangan masyarakat Malaysia, fokus penggunaan bahasa kasar atau bahasa kurang sopan masih menjadi topik yang relevan dan

hangat dibincangkan oleh tokoh tempatan melalui penyelidikan serta laporan media cetak, elektronik dan sosial. Kewujudan anggota masyarakat yang kian mengabaikan kesantunan berbahasa telah menjadi topik perbincangan yang sentiasa ada dari semasa ke semasa (Indirawati, 2023). Antaranya normalisasi ketidaksantunan berbahasa, bahasa kasar dalam pemaparan isu nasional dan implikasi terhadap kelestarian budaya dan kesantunan.

1. *Normalisasi Ketidaksantunan dalam Ekosistem Media Sosial*

Kajian mengenai bahasa kasar dalam konteks tempatan kini telah mengalami anjakan signifikan, daripada analisis lisan tradisional kepada analisis wacana digital yang lebih kompleks. Evolusi ini mendedahkan satu trend membimbangkan yang menjadi ancaman utama terhadap kelestarian budaya sopan. Ketidaksantunan bukan lagi sekadar manifestasi emosi marah yang bersifat sementara, sebaliknya telah diangkat sebagai satu "norma budaya baharu" dalam ruang siber (Indirawati, 2023; Hariyati, 2019). Fenomena ini selari dengan Teori Kesan Ketidakterkendalian dalam talian oleh Suler (2004), yang menjelaskan bagaimana kehilangan identiti di alam maya membenarkan individu melanggar batasan adab yang biasanya dipatuhi dalam interaksi fizikal. Analisis kritikal terhadap dapatan Megat (2020) dan Amirah Syawani (2022) menyokong hujah bahawa kekerapan pendedahan terhadap bahasa kasar di media sosial telah mengakibatkan penyahpekaan (desensitization) atau pengurangan sensitiviti pengguna terhadap nilai kesantunan tradisional.

Keadaan ini mencetuskan apa yang diistilahkan sebagai normalisasi linguistik iaitu, sempadan antara bahasa formal yang beradab dengan bahasa tabu yang kasar semakin kabur dalam interaksi harian. Jika dirujuk kepada pandangan Zaitul Azma (2014) bahawa kelestarian budaya sopan amat bergantung kepada pemeliharaan jati diri melalui bahasa. Namun, apabila bahasa kasar dianggap sebagai "bahasa gaul" atau identiti kelompok digital, maka nilai kebijaksanaan tempatan (local wisdom) yang mementingkan kehalusan budi akan terhakis secara sistematik. Kesannya, ancaman ini bukan sahaja merosakkan kualiti komunikasi digital, malah berisiko melenyapkan warisan kesantunan bangsa yang selama ini menjadi tunjang keharmonian sosial di Malaysia.

2. *Mekanisme Ketidaksantunan Digital dalam Isu Nasional*

Mekanisme ketidaksantunan digital dalam mendepani isu nasional seperti politik, bangsa, dan agama (3R) kini beralih daripada sekadar hamburan emosi kepada suatu bentuk persenjataan linguistik (*linguistic weaponization*) yang strategik. Kajian Nursyafieqa dan Maizura (2024), Norhayati dan Awan (2022), serta Mohd Norazizi dan Mardiah (2022) membuktikan bahawa pengguna cenderung menggunakan implikatur dan bahasa tersirat untuk memamatkan kredibiliti lawan sambil mengelakkan tapisan sosial. Fenomena ini diperkukuh oleh Zaitul Azma dan Nor Azuwan (2014) yang menyatakan pelanggaran prinsip kesantunan dalam isu sensitif sebagai 'ketidaksantunan wajar' (*justified incivility*), iaitu adab dikorbankan demi mempertahankan identiti kelompok atau 'ego-defense mechanism'. Namun, keterbatasan kajian sedia ada gagal meninjau bagaimana pencerobohan linguistik ini meresap ke dalam ruang privasi Generasi Alpha di platform seperti WhatsApp, yang menurut perspektif kritis sedang mengalami kemerosotan semantik iaitu suatu tahap kosa kata kasar kehilangan nilai tabunya dan menjadi norma dalam interaksi harian sekali gus meruntuhkan kelestarian budaya sopan secara sistemik dari peringkat akar umbi. Implikasi daripada anjakan ini bukan sekadar pencemaran lisan malah ia menandakan fasa 'normalisasi biadap' yang mengancam kelestarian budaya sopan sebagai kontrak sosial dalam masyarakat Malaysia. Apabila berlaku

pencerobohan linguistik dalam isu 3R diterima sebagai alat komunikasi yang sah, sempadan antara kelantangan bersuara dengan kebiadaban menjadi kabur. Hal ini mewujudkan jurang generasi yang mana nilai 'merendah diri' dan 'menjaga air muka' yang menjadi teras identiti budaya Melayu dan Timur dianggap sebagai kelemahan dalam ekosistem digital yang kompetitif. Akhirnya, kelestarian budaya sopan tidak lagi runtuh secara mendadak, sebaliknya terhakis secara halus melalui setiap interaksi harian yang menormalisasikan bahasa kasar, sekali gus meletakkan masa depan peradaban digital negara dalam krisis nilai yang kritikal.

3. Implikasi Terhadap Kelestarian Budaya dan Kesantunan

Secara konseptualnya, kesantunan dalam komunikasi bukan sekadar soal pemilihan kata tetapi melibatkan "penjagaan air muka" (*face-saving*) sebagaimana dijelaskan dalam teori kesantunan Brown dan Levinson (1987). Kajian Azianura Hani dan Mohammad Rahim (2019) dan Sara (2024) membuktikan bahawa kegagalan mengekalkan etika berbahasa bukan sahaja meruntuhkan maruah individu (mangsa buli siber), malah merosakkan struktur sosiolinguistik masyarakat Melayu. Kesannya, ancaman terhadap kelestarian budaya sopan ini bukan lagi satu andaian, tetapi realiti sosiolinguistik yang sedang berlaku dalam ekosistem media komunikasi kita hari ini. Ancaman terhadap kelestarian budaya sopan ini dapat dilihat melalui kegagalan pengguna media sosial dalam mematuhi prinsip komunikasi yang beradab. Menurut Norazilah, Nor Azlili, dan Nik Norazira (2023), kesopanan berbahasa dalam masyarakat Malaysia sepatutnya berteraskan Prinsip Kesopanan Leech yang menekankan aspek kehalusan budi dan penghormatan terhadap orang lain. Walau bagaimanapun, dalam ruang digital, maksim kesopanan ini sering diabaikan apabila bahasa kasar digunakan sebagai instrumen utama interaksi. Pelanggaran terhadap prinsip ini bukan sahaja mencerminkan keruntuhan etika individu, malah menurut kajian tersebut, ia menggugat ekosistem komunikasi harmoni yang menjadi tunjang identiti masyarakat Malaysia. Data daripada Maslida et al. (2024) yang memaparkan perbualan murid Tahun 4 menunjukkan murid tahun 4 telah mula menggunakan istilah 'babi' secara bersahaja. Kajian mereka menunjukkan bukti empirikal yang kritikal. Ia menunjukkan bahawa sosialisasi bahasa kini tidak lagi berlaku melalui institusi formal atau keluarga semata-mata, sebaliknya dipengaruhi oleh algoritma dan trend digital. Apabila bahasa kasar dianggap sebagai "bahasa pergaulan" yang normal oleh generasi muda akibat pengaruh pengengaruh atau kandungan tular, maka kelestarian budaya sopan sedang berhadapan dengan krisis identiti yang amat serius yang menunjukkan nilai murni masyarakat Timur semakin dipinggirkan oleh gelombang budaya digital yang tanpa sempadan.

Kesimpulannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat banyak dokumentasi tentang kewujudan bahasa kasar, kebanyakan literatur sedia ada bersifat deskriptif dengan hanya menyenaraikan jenis-jenis bahasa kasar yang ditemui. Terdapat kekurangan analisis dari sudut ekologi komunikasi iaitu bagaimana persekitaran digital yang teknikal seperti ciri mesej segera secara aktif membentuk semula cara manusia memproses adab pertuturan. Kajian ini bertujuan untuk melangkaui senarai kosa kata kasar dan sebaliknya mengkaji bagaimana anjakan paradigma ini mencabar kelestarian nilai kesantunan dalam era komunikasi digital. Makalah ini mencadangkan sebuah Kerangka Normalisasi Ketidaksantunan Digital sebagai asas konseptual untuk memahami bagaimana bahasa kasar beralih daripada variasi bahasa terpinggir kepada norma komunikasi perdana.

Aspek pertama dalam kerangka ini ialah faktor teknologi. Seni bina platform digital seperti media sosial dan aplikasi pesanan ringkas bertindak sebagai pemangkin utama. Ciri-ciri teknikal seperti kepantasan transmisi mesej, ketiadaan isyarat bukan lisan dan reka

bentuk antara muka yang mementingkan ekspresi segera telah memendekkan proses berfikir sebelum bertutur. Hal ini menyebabkan penapis sosial yang biasanya berfungsi dalam komunikasi bersemuka menjadi lemah yang sekali gus membolehkan bahasa kasar menembusi ruang wacana awam dengan lebih mudah dan kerap.

Aspek kedua melibatkan fenomena pelunturan identiti sendiri akibat faktor ketanpanamaan (*anonymity*) di ruang siber. Keadaan ini merujuk kepada satu tahap psikologi iaitu individu kehilangan kesedaran terhadap prinsip diri dan kawalan sendiri apabila identiti mereka terlindung di sebalik skrin. Dalam konteks ini, kesan ketidakterkendalian dalam talian (*online disinhibition effect*) mendorong pengguna untuk meluahkan emosi tanpa rasa takut terhadap penghakiman sosial atau tindakan disiplin. Apabila perilaku ini berlaku secara kolektif dalam sesebuah komuniti maya, sebagaimana yang diperlihatkan dalam interaksi kumpulan WhatsApp murid sekolah, ia mewujudkan tekanan rakan sebaya yang menormalisasikan ketidaksantunan sebagai simbol keakraban atau identiti kumpulan. Akibatnya, individu tidak lagi melihat penggunaan kata kasar seperti makian sebagai satu kesalahan moral sebaliknya sebagai satu bentuk adaptasi sosial dalam ruang digital.

Akhir sekali ialah interaksi antara faktor teknologi dan psikologi ini membawa kepada keruntuhan nilai sosiolinguistik tradisional yang merupakan ancaman langsung kepada kelestarian budaya sopan. Dalam fasa ini, nilai sosiolinguistik mengalami anjakan makna. Perkataan yang dahulunya dianggap tabu kini dianggap neutral atau berfungsi sebagai "bahasa akrab". Kerangka ini menghujahkan bahawa proses normalisasi ini meruntuhkan doktrin kesantunan bahasa yang mementingkan penjagaan air muka dan harmoni sosial. Sekiranya trend ini tidak dibendung, komunikasi masa depan masyarakat Malaysia dibimbangi akan kehilangan identiti budayanya, memandangkan generasi muda kini membesar dalam ekosistem digital yang menjunjung ketidaksantunan sebagai manifestasi kejujuran dan keberanian dalam berkomunikasi.

METODOLOGI

1. Reka Bentuk Kajian dan Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk Analisis Kandungan Kualitatif yang bersifat deskriptif. Metodologi ini disandarkan kepada disiplin komunikasi melalui lensa Teori Kesan Ketidakterkendalian dalam Talian (*Online Disinhibition Effect*) oleh Suler (2004). Suler (2004) berhujah bahawa halangan psikologi yang biasanya mengawal tingkah laku manusia dalam interaksi sosial "runtuh" apabila mereka berada di dalam talian. Suler membahagikan kesan ini kepada dua kategori iaitu *Benign Disinhibition* yang mana pengguna menjadi lebih terbuka, berkongsi rahsia peribadi atau menunjukkan kebaikan luar biasa dan *Toxic Disinhibition* iaitu pengguna menjadi lebih kasar, menggunakan bahasa kesat, menghina, mengancam dan melawat laman sesawang yang gelap atau ganas. Teori ini memberikan justifikasi bahawa struktur komunikasi di media sosial yang bersifat anonim dan asinkroni telah mendorong pengguna untuk mengabaikan norma kesantunan tradisional. Justeru, analisis kandungan digunakan untuk menjelaskan struktur komunikasi platform Facebook yang memangkinkan normalisasi bahasa kasar dalam wacana awam.

2. Strategi Persampelan dan Justifikasi Isu

Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk memilih data yang mempunyai nilai impak tinggi terhadap sentimen awam. Pemilihan tiga isu spesifik iaitu politik, 3R (Agama, Kaum, Raja) dan jenayah untuk tempoh Disember 2024 hingga Mac 2025 dalam platform

Facebook. Pemilihan ini berasaskan faktor kerelevanan sosial yang mana Isu 3R dan politik merupakan pemacu utama polarisasi komunikasi di Malaysia yang sering mencetuskan perdebatan hangat dan kedua, berasaskan faktor ketulenan data iaitu isu jenayah (kes pukul OKU) dipilih kerana ia menyentuh nilai kemanusiaan sejagat, yang secara semula jadi menarik respons emosional yang tinggi daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang. Data diekstrak menggunakan teknik pengikisan sesawang (*web scraping*) pada hantaran yang mencapai tahap tular (*viral*) berdasarkan metrik keterlihatan tinggi (jumlah *shares*, *likes* dan komen yang melebihi 1,000 unit) sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Isu politik, kontroversi 3R dan konflik keganasan dan jenayah di Media Sosial Facebook

Bil.	Platform	Profil	Tajuk	Tarikh	Jumlah Komen	Skop
1.	Facebook	Berita Harian	Kaitkan Hannah Yeoh dengan pengasas Kumpulan YTL, Razman akui terkhilaf (BQ_FB01)	27 Jan 2025	1000	Pendebatan Politik
2.	Facebook	Sinar Harian	'Jangan besar-besarkan isu DJ Era' - Pempengaruh India (BQ_FB08)	5 Mac 2025	1822	Kontroversi 3R
3.	Facebook	Oh My Media	Suspek kelima pukul OKU direman 3 hari di Pasar Tani Chukai (BQ_FB04)	22 Jan 2025	4935	Keganasan dan jenayah
Jumlah keseluruhan					7757	

Berdasarkan data yang dipaparkan dalam Jadual 1, dapat dikaitkan jenis isu dengan tahap ketidakterkendalian bahasa seperti berikut:

a) Isu Jenayah dan Ketidakterkendalian Toksik (Toxic Disinhibition) secara Kolektif

Jadual 1 menunjukkan bahawa hantaran bertajuk "Suspek kelima pukul OKU direman 3 hari di Pasar Tani Chukai" (BQ_FB04) mencatatkan jumlah komen tertinggi, iaitu sebanyak 4,935 komen. Bilangan komen yang melonjak drastik ini menunjukkan berlakunya ketidakterkendalian toksik yang kuat dalam kalangan netizen. Isu keganasan terhadap golongan rentan (OKU) mencetuskan kemarahan kolektif yang luar biasa. Dalam ruang digital, kemarahan ini tidak ditapis oleh adab tradisional kerana pengguna merasa "adil" untuk memaki hamun suspek. Ketidakterkendalian ini menjadi toksik apabila bahasa kasar digunakan secara berjemaah sebagai bentuk hukuman sosial maya, yang akhirnya menormalisasikan penggunaan kata nista dalam wacana awam atas dasar menegakkan keadilan.

b) Ketanpanamaan dan Faktor Ketaklihatan dalam Interaksi Pengguna

Kelestarian budaya sopan dalam ruang digital kini terancam hebat oleh ciri teknikal dan kemudahan (*affordances*) media sosial yang membenarkan ketanpanamaan (*anonymity*) dan ketaklihatan (*invisibility*) berlaku secara meluas. Menurut Pamirzad (2025), ciri interaktiviti, kebolehcapaian, dan kerahsiaan identiti dalam media sosial merupakan faktor utama yang menyumbang kepada penularan ujaran kebencian di ruangan komen. Faktor ketaklihatan ini menyebabkan pengguna tidak dapat melihat impak langsung atau "kesan luka emosi" (seperti air muka sedih atau tangisan) pada subjek yang dimaki, yang seterusnya melunturkan rasa empati secara drastik. Apabila identiti mereka terlindung di sebalik akaun digital, kawalan sendiri mereka mula runtuh, menyebabkan mereka tidak lagi menganggap mangsa sebagai "manusia sebenar" yang mempunyai perasaan, sebaliknya hanya sebagai objek di skrin (Gorenc, 2022).

Realiti ini terbukti melalui data dalam Jadual 1, di mana isu jenayah mencatatkan jumlah komen tertinggi (4,935 komen) dan membolehkan pelepasan emosi yang paling agresif berbanding isu politik (1,000 komen). Fenomena ini menunjukkan bahawa skop sesuatu isu mempengaruhi tahap kawalan sendiri; semakin tinggi keterlibatan emosi pengguna terhadap sesuatu kontroversi—seperti isu 3R atau jenayah sosial—semakin tebal kesan ketidakterkendalian toksik yang berlaku. Kesimpulannya, persekitaran digital yang menjamin ketanpanamaan bukan sahaja memberikan "topeng" kepada pengguna untuk bersikap biadab, malah secara sistematik menghakis nilai kesantunan tradisional yang sepatutnya menjadi tunjang dalam interaksi masyarakat Malaysia.

3. *Prosedur Pengumpulan dan Pembersihan Data*

Sejumlah 7,757 komen telah dikumpul daripada tiga profil media arus perdana iaitu Berita Harian, Sinar Harian, dan Oh My Media. Proses pembersihan data dilaksanakan untuk mengekalkan integriti analisis. Maklum balas bukan tekstual seperti gambar, tag akaun, pautan luaran, tanda pagar (#), dan iklan disisihkan. Hanya komen berbentuk teks asli daripada pengguna sahaja yang dikodkan untuk memastikan fokus kajian terhadap leksikal dan frasa bahasa kasar kekal konsisten.

4. *Proses Analisis Data dan Pengkodan*

Proses analisis data dilaksanakan mengikut fasa berikut:

a) *Tahap Pengkodan*

Komen diklasifikasikan mengikut kategori leksikal kasar berdasarkan rujukan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) yang meletakkan perkataan tersebut sebagai 'bk' atau bahasa kasar. Misalnya, perkataan 'babi', Kamus Dewan Edisi Keempat mengkategorikan sebagai bk kata makian yang digunakan ketika marah (sangat benci akan seseorang atau sesuatu dsbnya). Penetapan kasar juga berasaskan nilai tabu iaitu sesuatu yang dilarang, pantang larang, pemali atau (yg) diharamkan atau ditegah daripada dipercakapkan (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Berdasarkan kerangka Jay (2009), perkataan tabu ditakrifkan dan dikawal penggunaannya oleh institusi berkuasa seperti institusi agama dan media, manakala larangan terhadap penggunaan perkataan tersebut sering ditegaskan semula melalui amalan sosialisasi awal, khususnya dalam proses asuhan kanak-kanak. Oleh itu, dalam masyarakat Malaysia, kata tabu ini adalah dipersetujui bahawa ia membawa unsur tidak manis disebut, tidak enak dan mengaibkan apabila disebut dalam keadaan tertentu misalnya kata tahi atau berak yang tidak sesuai disebut dalam situasi formal yang boleh digantikan dengan kata *euphemism* iaitu najis atau buang air besar.

b) *Kriteria Analisis*

Data dikodkan kepada tiga tema utama: (i) Kata makian/hinaan, (ii) Istilah tabu yang dikasar/dineutralkan, dan (iii) Penggunaan *euphemism* yang gagal.

c) *Ujian Kebolehpercayaan*

Bagi menjamin kebolehpercayaan data, proses pengkodan dilakukan secara silang oleh dua penyelidik. Sebarang percanggahan pendapat dalam pengkelasan leksikal diselesaikan melalui persetujuan hasil perbincangan berdasarkan konteks pragmatik komen tersebut.

5. Pertimbangan Etika

Kajian ini mematuhi protokol etika penyelidikan digital dengan hanya mengumpul data yang tersedia secara umum. Prinsip anonimiti dikekalkan sepenuhnya; nama paparan pengguna dan maklumat pengenalan peribadi disamarkan (misalnya menggunakan kod BQ_FB01) bagi melindungi privasi subjek. Kajian ini diklasifikasikan sebagai berisiko rendah dari segi etika dan tidak memerlukan prosedur kebenaran khas kerana tidak melibatkan interaksi langsung dengan subjek manusia atau pencerobohan ruang peribadi.

Analisis kandungan dilakukan terhadap leksikal dan frasa yang terdapat dalam komen-komen isu yang diteliti dalam ruangan komen di akaun Facebook. Maklum balas berbentuk gambar, tag akaun, pautan, tanda pagar dan iklan disisihkan. Pertimbangan etika menjadi teras kepada reka bentuk kajian ini. Kajian ini hanya mengumpul data yang boleh diakses secara umum dan tidak melibatkan kandungan peribadi atau terhad. Tiada maklumat pengenalan peribadi dikekalkan kecuali nama paparan pengguna seperti yang dipaparkan di platform. Ini selaras dengan norma etika dalam penyelidikan digital dan mematuhi polisi penggunaan data awam TikTok dan Facebook.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan data yang dikumpul dan metrik keterlihatan seperti jumlah perkongsian, sukaan, dan komen, kajian ini mendapati dalam semua isu tular yang membangkitkan rasa kurang senang netizen, bahasa kasar ialah ungkapan ekspresif yang disampaikan dalam kalangan netizen untuk menyuarakan komen, menzahirkan pandangan dan meluahkan perasaan yang lebih cenderung dilafazkan dalam keadaan emosi marah, kecewa dan tidak berpuas hati. Hal ini sama sepertimana yang dinyatakan oleh Zainal Abidin Ahmad (1965) iaitu bahasa kasar merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan oleh seorang penutur ketika sedang marah untuk memaki hamun, mengutuk, mencarut dan sebagainya. Süleyman (2024) menjelaskan bahawa salah satu aspek yang paling signifikan dalam penggunaan kata makian (*swear words*) ialah keberkesanannya dalam menzahirkan emosi. Berbeza dengan kebanyakan leksikon dalam bahasa, kata makian mengandungi beban afektif yang tinggi serta berpotensi mencetuskan tindak balas psikologi dan fisiologi yang ketara. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan kata makian mengaktifkan kawasan otak yang berbeza daripada perkataan biasa, termasuk penglibatan struktur *amigdala* yang berkait rapat dengan pemprosesan emosi (Van Lancker & Cummings, 1999). Fenomena ini berupaya menjelaskan kecenderungan individu untuk bertutur kasar dalam keadaan emosi ekstrem seperti kemarahan, kesakitan atau kekecewaan, serta justifikasi terhadap dapatan bahawa kata makian boleh memberi kesan signifikan dalam mengurangkan kesakitan atau tekanan (Stephens et al., 2009). Oleh itu, makian yang merupakan bahasa kasar boleh dianggap bukan sebagai luahan spontan semata-mata, sebaliknya sebagai satu tindakan yang mempunyai asas psikologi yang mendalam dalam tingkah laku manusia.

Jadual 2: Kekerapan penggunaan bahasa kasar dalam platform Facebook

Tema	Platform Facebook
Keganasan dan Jenayah	222 (55.4%)
Kontroversi 3R	94 (23.4%)
Pendebatan Politik	85 (21.2%)
JUMLAH	401

Jadual 2 menunjukkan sebanyak 401 bentuk bahasa kasar dan kesat yang terdiri daripada perkataan dan juga frasa yang telah dikenal pasti daripada platform Facebook. Berdasarkan data Facebook, isu keganasan dan jenayah yang merangkumi kes seperti penderaan, ketidakadilan dan pengabaian mencatatkan jumlah tertinggi dengan 222 kekerapan (55.4%), diikuti oleh kontroversi 3R (23.4%) dan politik (21.2%). Kekerapan bahasa kasar dalam isu keganasan dan jenayah menunjukkan isu melibatkan masyarakat awam mudah menarik perhatian umum berbanding dengan isu-isu politik dan 3R oleh sebab kedua-dua isu ini hanya diikuti dan diminati oleh sebahagian golongan sahaja. Isu sosial BQ_FB04 (Suspek Kelima Kes Pukul OKU Mental di Pasar Tani Chukai Direman) misalnya, telah mengundang warganet untuk 'berkumpul' dan memberi pelbagai reaksi atas kejadian terbabit sehingga menghasilkan 222 kekerapan penggunaan bahasa kasar bagi mengekspresikan perasaan marah dan kecewa atas perbuatan memukul seorang yang kurang upaya. Kajian ini menemui lapan kategori yang merupakan perkataan kasar sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 2. Pengkategorian ini berdasarkan maksud leksikal yang disampaikan tidak baik diucapkan, tidak enak didengar, memalukan dan menghina pendengar serta merupakan provokasi yang membuatkan timbul perasaan marah apabila diucapkan.

Jadual 3: Kategori bahasa kasar yang digunakan

Bil	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)	Contoh leksikal yang digunakan
1.	Haiwan	107	27	Babi, anjing, buruk
2.	Makhluk halus	22	5.5	Setan, iblis, hantu
3.	Anggota badan dan biologi	65	16.2	Telo/telor, jubo, kepala hotak/otak, najis, tahi/taik
4.	Intelek	124	31	Bodoh, bahlol, bangang
5.	Mental	17	4.2	Gila, sewel
6.	Benda	13	3.2	Mangkuk (ayun/hayun)
7.	agama	25	6.2	Lahnat/hanat, jahanam, kafir
8.	Sifat	28	7.0	Mampus, sial, celaka, nyanyuk
	JUMLAH	401	100	

Berdasarkan Jadual 3, kategori intelek, haiwan dan anggota badan dan biologi merupakan perkataan yang dominan digunakan dalam media sosial Facebook. Kategori intelek yang bermaksud kemampuan (daya) fikir dan memahami (menganalisis dsb) (Kamus Bahasa Melayu) merupakan kategori bahasa kasar dan kesat yang tinggi kekerapannya iaitu sebanyak 31 peratus dalam ketiga-tiga isu kontroversi di Facebook. Kekerapan kategori intelek ini menggambarkan kecenderungan pengguna untuk menggunakan ungkapan kasar yang merendahkan kebijaksanaan dan sifat kemanusiaan. Perkataan *bodoh/bodo/bdoh*, *bahlol bangang* dan *bongok/vongok* adalah antara kategori perkataan kasar yang kerap dan dengan sewenang-wenangnya diucapkan atau ditulis oleh netizen dalam media sosial ketika memberi komen atau menyatakan perasaan kurang senang, tidak berpuas hati atau marah mereka terhadap perlakuan atau sikap yang dipaparkan oleh individu yang menjadi perbincangan netizen. Penggunaan ungkapan kasar kategori intelek ditunjukkan dalam contoh data yang diperolehi daripada platform Facebook.

- i. Dah ludah... JILAT balik... Apa punya bahlol (BQ_FB01)
- ii. OKU ko belasah..bangang (BQ_FB04)
- iii. Lahz D Loftyko ni bodoh ke apa. Report polis supaya ambik tindakan ikut undang2. Biar lah polis buat kerja dia. Toksah nak jadi Batu api (BQ_FB08)

Kategori haiwan merujuk penggunaan perkataan seperti *babi*, *anjing* dan *beruk* yang digunakan dalam kalangan netizen yang menyamakan haiwan dengan individu yang diperdebatkan. Sebagai contoh, dalam ayat "Padan muka kau 3 ekor beruk FM...musibat punya manusia...pigi mampus cepat lagi bagus..." (BQ_FB14). Dalam contoh data ini, perkataan *beruk* digunakan untuk merujuk tiga penyampai radio Era yang dikecam oleh sebahagian warga maya atas isu dakwaan mempersendakan agama. Dalam beberapa penggunaan kategori haiwan yang digunakan untuk memaki dan mengecam sesuatu situasi atau seseorang, perkataan *babi* merupakan kategori paling tinggi kekerapannya iaitu sebanyak 55 (51.4%) daripada keseluruhan kategori haiwan yang digunakan iaitu 107 kekerapan. Dalam konteks budaya Melayu *babi* digambarkan sebagai sesuatu yang mengaibkan serta hina dalam kehidupan seseorang (Azizul & Vijayaletchumy, 2016) sebagaimana juga dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), perkataan *babi* diberikan maksud sebagai bahasa kasar yang membawa maksud sebagai kata makian ketika marah dan tersangat benci akan seseorang, sesuatu dan sebagainya. Contoh data penggunaan kategori 'haiwan' sebagaimana berikut:

- i. "Ahmad Fikri deyy lancau apa kena dengan kapir you punya mulut macam pengikut ajaran sesat kaa lu cibai. Bodoh Babi. Itu masalah berlaku kat terengganu you ada tengok kaa depan mata you kaa. Kurang ajar pun orang Lu ..ini bukan pasal agama bodoh Babi ...ini pasal perikemanusiaan bodoh. ..makan tahi atau nasi Ada pergi Sekolah ... (BQ_FB01)
- ii. Ezu Zul Killi itu kerana anjing 2 ternak berhala marang laknatullah Abdul Hadi Awang suka menanggung di air keroh, bila PAS tak berkuasa mereka akan cuba huru hara kan negara, rakyat perhati je perangai syaitan2 ternak Lebai PAS (BQ_FB08)
- iii. Aku tengok yg kena tangkap tu macam binatang ,patut la dia selamba je pukul org OKU tu mcm beruk aku tengok dia (BQ_FB04)

Kekerapan ketiga kategori bahasa kasar yang digunakan dalam kalangan netizen ialah kategori anggota badan dan biologi seperti *kepala otak*, *puki*, *tahi* dan *telo/telur/telor* iaitu sebanyak 16.2%. Kategori anggota badan yang merupakan perkataan yang lazimnya dikaitkan dengan anggota sulit manusia seperti *telur*, *jubo* dan *puki/pukimak*. Manakala biologi merujuk hasil daripada badan manusia seperti *najis*, *tahi* dan *kencing*. Perkataan ini juga dianggap mencarut iaitu perkataan keji dan kotor yang merupakan perkataan tabu atau larangan dalam komunikasi namun perkataan ini diungkapkan bagi meluahkan emosi marah dan benci terhadap individu tertentu. Berikut ialah beberapa contoh ujaran yang menggunakan perkataan kasar *telur*, *kepala otak* dan *pukimak*:

- i. Dah tau telur tinggal selaput tak payahlah beria acah² berani (BQ_FB01)
- ii. Shahrul AR kepala hotak kauuuu nk lawan dgn OKU...kau mmg tak waras mental problem..dgn OKU pun kau nk pukul dan terasa (BQ_FB04)
- iii. Tak sekarang ni sape yg besar-besarkan isu.. dh mintak maaf lgi nk byk cekadak ye? pukimak punye keling.. (BQ_FB08)

Analisis data ini menunjukkan bahasa kasar menjadi pilihan variasi bahasa yang digunakan untuk melahirkan perasaan marah, geram dan benci mereka terhadap individu atau sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang. Sesuatu isu yang tidak kena pada

pandangan masyarakat sama ada melibatkan golongan ahli politik, artis, selebriti mahupun masyarakat awam, ruangan komen akan dihujani dengan pelbagai kata yang tidak sopan. Perkataan-perkataan kasar ini digunakan untuk membuat makian, hinaan dan juga kecaman kepada individu yang terlibat. Ruang maya yang bersifat terbuka dengan identiti pengguna yang boleh disembunyikan menjadikan warga maya bebas dan tanpa rasa takut dan malu untuk membuat makian mahupun cemuhan. Penggunaan beberapa kategori kata kasar seperti 'celaka' (sifat), 'babi' (haiwan), 'setan' (makhluk) dan 'puki' (alat kelamin) telah disenaraikan di laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dan diberikan maklumat seperti "bk perkataan yg sangat kasar pengertiannya (digunakan sewaktu memaki)" (Radiah, 2012). Dapatan ini menjelaskan bahawa leksikal atau perkataan kasar membentuk bahasa kasar yang menunjukkan sikap individu tersebut sebagai biadab dan kurang ajar yang melanggar prinsip kesantunan berbahasa.

Bahasa kasar melanggar norma kesantunan berbahasa sehingga mewujudkan ketidaksantunan berbahasa sebagaimana dinyatakan oleh Culpeper et al., (2011) bahawa ketidaksantunan berlaku apabila perlakuan seseorang itu berlawanan dengan norma yang membawa harmoni dalam interaksi atau perhubungan. Menurut Culpeper (2005, hlm. 38), ketidaksantunan berlaku apabila (a) "penutur secara sengaja menyampaikan serangan terhadap muka (face)", atau (b) apabila pendengar memahami bahawa serangan itu dilakukan dengan sengaja, atau apabila kedua-dua keadaan (a) dan (b) berlaku. Sehubungan itu, Culpeper (2008, hlm. 36) juga menyatakan bahawa tingkah laku tidak sopan sama ada disengajakan oleh penutur atau difahami oleh pendengar sebagai disengajakan akan menyebabkan "kehilangan muka" oleh pendengar. Beliau menambah bahawa kehilangan ini berlaku dalam konteks ketidaksantunan apabila terdapat "konflik dan pertembungan kepentingan" antara penutur dan pendengar. Akibatnya, kehilangan muka ini memberi kesan emosi kepada pendengar tersebut. Berdasarkan takrif ketidaksantunan oleh Culpeper dapat disimpulkan bahawa perkataan-perkataan seperti *bodoh*, *babi* dan *jubo* ialah kategori bahasa yang tidak santun kerana perkataan ini boleh (i) menjatuhkan air muka si pendengar dan (ii) apabila perkataan ini diungkapkan kepada pendengar ia boleh difahami sebagai serangan yang disengajakan telah dilakukan terhadapnya. Dengan perkataan lain, ketidaksantunan ialah perilaku komunikasi yang berniat menyerang air muka orang yang ditujukan percakapan atau menyebabkan orang yang ditujukan percakapan menjadi terasa begitu. Sehubungan dengan itu, tindakan ketidaksantunan bergantung pada niat penutur dan pemahaman pendengar terhadap ujaran yang dituturkan. Sesuatu ujaran mungkin diklasifikasikan sebagai tindakan tidak santun sekiranya si pendengar telah menganggap bahawa penutur telah menjatuhkan air mukanya. Konsep air muka banyak mendominasi kajian ketidaksantunan. Satu perilaku ketidaksantunan dalam perbualan yang diadakan dengan sengaja dan dengan niat untuk mengancam atau menyakiti hati si penerima. Lakuan menghina atau memanggil mangsa menggunakan nama yang tidak sepatutnya adalah lebih kepada satu strategi yang terancang serta mempunyai niat-niat tertentu yang secara sengaja dilakukan untuk menjatuhkan air muka seseorang.

BAHASA KASAR DAN ANCAMAN KESANTUNAN BERBAHASA BERDASARKAN MEKANISME KETIDAKTERKENDALIAN DIGITAL (SULER 2004)

Fenomena bahasa kasar di media sosial yang kian menjadi trend linguistik masyarakat Malaysia mencerminkan mekanisme psikologi yang unik dalam alam maya. Penggunaan leksikal kasar dalam data yang dikumpul menunjukkan wujudnya kesan ketidakterkendalian

toksik (*toxic disinhibition*) yang meruntuhkan benteng kesantunan tradisional dalam masyarakat. Secara psikologinya, ketidakterkendalian toksik ini bertindak sebagai pemutus rantai antara akal budi dengan lisan. Individu kehilangan rasa malu dan empati yang biasanya menjadi "penapis" dalam interaksi bersemuka. Sebagai contoh, pemilihan leksikal haiwan yang dihina seperti "anjing" dalam ujaran "Mampus kau anjing..." (BQ FB04) atau kata makian tabu seperti "pukimak" dan "bangsat" bukan sekadar luahan emosi marah, malahan merupakan manifestasi keberanian palsu yang tercetus apabila benteng adab runtuh di alam maya. Di dunia nyata, norma kesantunan tradisional akan menghalang seseorang daripada menggunakan kata-kata tersebut demi menjaga "air muka" sendiri dan orang lain. Walau bagaimanapun, dalam ruang siber, benteng ini gagal berfungsi kerana pelaku merasa terasing daripada kesan sosial dan undang-undang. Akibatnya, ketidakterkendalian toksik ini menukarkan laras bahasa yang dahulunya tertib kepada satu bentuk serangan peribadi yang ekstrem. Hal ini membuktikan bahawa kelestarian budaya sopan kini berada dalam tahap yang kritikal akibat normalisasi kebiadapan digital.

Artikel ini mendedahkan bahawa fenomena bahasa kasar dalam komunikasi digital di Malaysia bukan lagi sekadar isu teknikal linguistik, malah merupakan ancaman sistemik terhadap kelestarian budaya sopan. Berdasarkan analisis terhadap data ujaran netizen, enam faktor dalam Teori Kesan Ketidakterkendalian dalam talian oleh Suler (2004) menjelaskan mengapa norma kesantunan tradisional semakin terhakis di ruang siber. Berdasarkan Teori Suler (2004), perilaku ini dapat diteroka secara komprehensif melalui enam faktor utama berikut:

1. Ketanpanamaan Disosiatif (Dissociative Anonymity)

Dalam kerangka teori Suler (2004), faktor Ketanpanamaan Disosiatif merupakan pemacu utama kepada keruntuhan benteng kesantunan dalam ruang siber. Faktor ini merujuk kepada persepsi pengguna bahawa identiti sebenar mereka terlindung di sebalik tabir digital, yang seterusnya melenyapkan rasa tanggungjawab moral terhadap impak lisan mereka. Fenomena ini terjelas melalui ujaran kebencian melampau seperti "Mampus kau anjing orang yang cacat kau blasah" (BQFB04), di mana penggunaan kata nista "anjing" dan "mampus" tidak lagi dianggap sebagai satu pelanggaran adab yang memalukan. Suler menghujahkan bahawa apabila individu menggunakan "topeng" atau profil anonim, mereka mengalami proses disosiasi; mereka memisahkan perbuatan buli atau maki hamun tersebut daripada watak sebenar mereka di dunia nyata.

Hal ini secara langsung mengancam kelestarian budaya sopan kerana pengguna beranggapan bahawa apa yang dizahirkan di media sosial tidak mencerminkan diri mereka yang sebenar. Menurut Awang (2007), dalam konteks falsafah bahasa Melayu, bahasa merupakan cerminan peribadi dan akal budi; namun, ketanpanamaan digital telah memutuskan rantai antara identiti dan tanggungjawab berbahasa tersebut. Sejajar dengan dapatan Cho dan Kwon (2015), ketiadaan identiti visual dan sosial di alam maya mengurangkan rasa empati dan membolehkan individu menggunakan kata nista tanpa rasa takut akan stigma sosial di dunia nyata. Pemisahan identiti ini menyebabkan mereka merasa bebas mengungkapkan diri dengan tanggapan bahawa kebiadapan digital tersebut tidak akan menjejaskan reputasi mereka sebagai individu yang sopan dalam interaksi fizikal.

2. Ketidakterlihatan (*Invisibility*)

Faktor kedua dalam teori Suler (2004) yang menyumbang kepada ancaman terhadap kelestarian budaya sopan ialah Ketidakterlihatan. Dalam interaksi digital, ketiadaan pertemuan bersemuka bermakna penutur tidak dapat melihat reaksi wajah, nada suara atau bahasa badan mangsa secara langsung. Suler mengemukakan bahawa isyarat bukan lisan (non-verbal cues) adalah jambatan utama kepada empati manusia. Apabila jambatan ini terputus, maka rasa belas kasihan dan segan silu turut terhapus. Hal ini terbukti dalam ujaran kesat seperti "Aku nk tgk mukababi yg sepak muka brader OKU tu..." (BQ FB04). Dalam contoh ini, pengguna dengan mudah menyamakan wajah subjek dengan haiwan yang dianggap tabu dalam budaya Melayu.

Ketidakterlihatan secara fizikal ini seakan memberikan perlindungan psikologi kepada pengguna yang menyebabkan mereka lebih berani mengungkapkan kata-kata maki yang netizen tidak mungkin berani melafazkannya dalam interaksi dunia nyata. Ketiadaan hubungan mata (*eye contact*) dalam komunikasi dalam talian adalah faktor paling dominan yang mencetuskan tingkah laku agresif dan ketidaksantunan berbanding faktor ketanpanamaan semata-mata. Dalam konteks kelestarian budaya sopan, ketidakterlihatan ini melahirkan masyarakat yang "berani di sebalik skrin" tetapi pengecut dalam memanasifasikan adab, sekali gus menormalisasikan penghinaan rupa paras (*face shaming*) sebagai satu bentuk tindak balas sosial yang diterima dalam ruang siber.

3. Asinkroni (*Asynchronicity*)

Faktor Asinkroni dalam media sosial seperti Facebook mewujudkan jurang masa antara penghantaran komen dan penerimaan maklum balas. Komunikasi di Facebook tidak berlaku secara masa nyata, membolehkan pengguna meninggalkan komen dan "melarikan diri". Faktor asinkroni ini terlihat dalam hamburan kata seperti "PAS pun takut kena saman lagi hari tu kutip MCM nak mampus" (BQ FB01) dan "dey..... 44 report hoiii.... sapa yg bt sial?" (BQ FB08). Pengguna meluahkan kemarahan secara mendadak melalui kata *mampus* dan *sial* tanpa perlu menunggu maklum balas atau menguruskan konflik secara rasional, menjadikannya satu bentuk pelepasan emosi yang tidak terkawal. Dalam konteks kelestarian budaya, sifat "langgar lari" ini menghancurkan tradisi bermusyawarah dan berlembut lidah kerana ruang digital telah berubah menjadi medan pelepasan kemarahan yang tidak terkawal tanpa sebarang akauntabiliti masa nyata.

4. Introjeksi Solipsistik (*Solipsistic Introjection*)

Introjeksi Solipsistik berlaku apabila pengguna "membaca" teks orang lain dengan memberikan suara atau watak imaginasi yang negatif di dalam minda mereka. Tanpa kehadiran fizikal, pengguna cenderung membayangkan pihak lawan sebagai sosok yang bebal, lalu menghalalkan penggunaan istilah pejoratif intelek seperti "Bodoh" dalam ayat "...sbb kan bodoh2 ni org lain yg mangsa" (BQ FB01) dan "Bangang" dalam ayat "OKU ko belasah..bangang" (BQ FB04). Faktor ini membuktikan bahawa bahasa kasar bukan sekadar tindak balas luaran tetapi hasil daripada "percakapan mental" yang telah merendahkan martabat manusia lain sebelum pun interaksi bermula. Hal ini mengancam kelestarian budaya sopan kerana ia menafikan prinsip bersangka baik yang menjadi teras keharmonian masyarakat Timur tetapi digantikan dengan prasangka digital yang tegar.

5. Imaginasi Disosiatif (Dissociative Imagination)

Faktor Imaginasi Disosiatif menjelaskan mengapa pengguna sering melihat dunia siber sebagai sebuah "ruang fantasi" yang terasing daripada realiti. Dalam "dunia maya" ini, peraturan moral dan adab dianggap tidak terpakai. Pengguna menganggap memaki hamun di media sosial hanyalah sebahagian daripada "budaya digital" yang tidak akan dibawa ke dunia nyata. Walau bagaimanapun, menurut Donath (1999), pemisahan antara identiti maya dan nyata ini sebenarnya adalah ilusi yang berbahaya kerana ia mempercepatkan normalisasi biadab. Kelestarian budaya sopan akhirnya terkubur di bawah persepsi bahawa budi bahasa hanya perlu diamalkan di dunia fizikal sahaja. Pengguna sering melihat dunia siber sebagai sebuah "permainan" atau dunia fantasi yang terasing daripada realiti. Ini menjelaskan fenomena normalisasi bahasa kasar berlaku dengan sangat pantas. Mereka merasa peraturan moral tidak terpakai. Contohnya, penggunaan perkataan celaka dalam ayat "tahun ni dah tahu dah tema baju raya celaka2 ni warna OREN" (BQ_FB04) dianggap sebagai ekspresi biasa dalam "dunia maya" tersebut. Bagi mereka, memaki hamun di media sosial hanyalah sebahagian daripada budaya digital yang tidak akan dibawa ke dunia nyata.

6. Pengurangan Status dan Kuasa (Minimization of Authority)

Di media sosial, status sosial, umur, dan jawatan menjadi kabur, mencetuskan faktor Pengurangan Status dan Kuasa. Ketiadaan hierarki ini mendorong netizen untuk menyerang peribadi sesiapa sahaja dengan istilah ekstrem seperti "Kepala otak", "Lahnat", "Bangsat" dan "Pukimak". Sebagaimana ditegaskan oleh Jay (2009), penggunaan kata larangan ini merupakan strategi agresif untuk mencapai matlamat sosial dengan pantas apabila kuasa tradisional tidak lagi dihormati. Fenomena ini adalah ancaman paling kritikal terhadap kelestarian budaya sopan apabila golongan muda tidak lagi merasa perlu menghormati autoriti atau orang yang lebih tua dalam ruang digital maka struktur adab dan tertib yang menjadi tulang belakang masyarakat sivil akan runtuh sepenuhnya.

Rumusannya, interaksi enam faktor yang diujahkan oleh Suler (2004) dapat diaplikasi dalam konteks komunikasi bahasa kasar dalam era digital pada masa kini yang membawa kepada anjakan nilai linguistik di Malaysia. Perkataan seperti bodoh, sial, dan gila yang dahulunya sangat sensitif kini mulai hilang nilai ketidaksantunannya melalui proses normalisasi. Perubahan ejaan perkataan sial kepada 'siak' atau 'siyot' serta penggunaan kata gila (contoh: "cantik giler") sebagai penanda emosi keterujaan menunjukkan bahawa sempadan adab semakin longgar. Jika trend ketidakterkendalian digital ini terus mendominasi ruang wacana, identiti masyarakat Malaysia yang terkenal dengan kesopanan dan kehalusan budi (Asma, 1996; Azman, 2024) akan terus terhakis yang secara tidak langsung menggantikan budaya wacana sihat dengan ekosistem komunikasi yang toksik.

KESIMPULAN

Kajian ini mendedahkan bahawa penularan bahasa kasar dalam komunikasi digital di Malaysia bukan sekadar satu isu linguistik yang terpencil, sebaliknya merupakan manifestasi daripada anjakan paradigma dalam etika interaksi sosial di alam maya. Melalui perspektif Teori Kesan Ketidakterkendalian dalam Talian (Suler, 2004) jelas menunjukkan bahawa faktor psikologi digital seperti ketanpanamaan, ketaklihatan dan asinkroni telah mewujudkan satu ruang "ketidakterkendalian" yang membolehkan pengguna meminggirkan norma kesantunan tradisional. Dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan leksikal kasar dalam isu-isu tular berkaitan politik, 3R (Agama, Kaum, Raja) dan jenayah telah mencapai tahap normalisasi

yang membimbangkan yang mana kata nista tidak lagi dianggap sebagai pelanggaran moral tetapi sebagai bentuk ekspresi emosi yang lazim.

Secara teoritikal, makalah ini menyumbang kepada bidang komunikasi massa dengan memperkenalkan Kerangka Normalisasi Ketidaksantunan Digital. Kerangka ini menghujahkan bahawa seni bina teknologi platform media sosial secara aktif mencorakkan tingkah laku pengguna melalui pelunturan identiti sendiri. Implikasinya, nilai-nilai sosiolinguistik yang menjadi teras identiti masyarakat Malaysia iaitu kesantunan, kehalusan budi dan penjagaan air muka kini berhadapan dengan ancaman kelestarian yang serius. Transformasi fungsi kata makian daripada unsur tabu kepada unsur gurauan atau penekanan emosi seharian menunjukkan bahawa ekosistem digital telah berjaya mengubah DNA komunikasi bangsa daripada budaya "bahasa halus" kepada budaya wacana yang lebih agresif dan toksik.

Kajian ini menegaskan keperluan mendesak terhadap pemeraksanaan literasi sosiobudaya dalam kalangan warga digital. Usaha kolektif daripada pihak berkuasa, institusi pendidikan dan penyedia platform digital amat diperlukan untuk membina semula etika berkomunikasi yang sihat. Langkah intervensi tidak seharusnya hanya tertumpu kepada aspek perundangan semata-mata, tetapi perlu menyentuh aspek pemulihan kesedaran sendiri pengguna agar teknologi tidak terus dijadikan lesen untuk meruntuhkan adab dan tatanilai masyarakat. Kajian masa hadapan dicadangkan untuk meneliti kesan normalisasi ini terhadap perkembangan kognitif dan perilaku linguistik generasi Alpha secara berterusan bagi memastikan kelestarian budaya sopan tetap terpelihara dalam arus modenisasi digital.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan *Perubahan Normalisasi Bahasa Dalam Komunikasi Internet* daripada Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2023-034), Universiti Kebangsaan Malaysia.

BIODATA

Maslida Yusof (PhD) ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Emel: maslida@ukm.edu.my

Karim Harun (PhD) ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Emel: linguist@ukm.edu.my

Wan Robiah Meor Osman (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Emel: mowrobiah@ukm.edu.my

Salinah Ja'afar (PhD) ialah Profesor Madya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Emel: b1salina@um.edu.my

Rusmadi Baharuddin (PhD) ialah mantan Pengarah Perancang Bahasa, Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kini bergiat aktif dalam Persatuan Linguistik Malaysia. Emel: rusmadibaharudin@yahoo.com

RUJUKAN

- Amirah Syazwani Baderol Sham. (2022, July 20). *Bahasa kasar tidak mencerminkan norma masyarakat Malaysia*. Dewan Bahasa.
<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/07/20/4436/>
- Anni Holilah Syahbuddin. (2024, August 28). *Ungkapan kasar dalam media sosial semakin berleluasa*. Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2024/08/28/14832/>
- Asma Abdullah. (1996). *Going glocal: Cultural dimensions in Malaysian management*. Malaysian Institute of Management.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azean Idruwani Idrus. (2022, April 8). Trend warganet guna bahasa kasar di media sosial. *Majoriti*. <https://majoriti.com.my/berita/2022/04/08/trend-warganet-guna-bahasa-kasar-di-media-sosial>
- Azianura Hani Shaari, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(6), 1-16.
- Azizul Haji Ismail, & Vijayaletchumy Subramaniam. (2016). Ketidaksantunan bahasa dalam blog politik di Malaysia. *MAHAWANGSA: Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 5(2), 461-481.
- Azman Yusof. (2024, Mac 1). *Ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan belia Malaysia*. Portal Wadah DBP. <https://wadahdbp.my/titisan-pena/ketidaksantunan-berbahasa-dalam-kalangan-belia-malaysia/>
- Berita Harian. (2025, January 27). *Kaitkan Hannah Yeoh dengan pengasas Kumpulan YTL, Razman akui terkhalif* [Hantaran status]. Facebook.
<https://www.facebook.com/bhonline/posts/pfbid02mCLQ3qACm9P6EXpr29Wbu8KNv7BSC7Qjx3rxCqvPVjoKqDGYkWaxKs7PyiB3CsEcl>
- Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.
- Cho, D., & Kwon, K. H. (2015). The impacts of identity verification and electronic authorization on online incivility. *Journal of Applied Communication Research*, 43(3), 288-307.
- Culpeper, J. (2005). Impoliteness and entertainment in the television quiz show: The Weakest Link. *Journal of Politeness Research*, 1, 35-72.
- Culpeper, J. (2008). Reflections on impoliteness, relational work and power. In D. Bousfield & M. A. Locher (Eds.), *Impoliteness in language: Studies on its interplay with power in theory and practice* (pp. 17-44). Mouton de Gruyter.
- Culpeper, J. (2011). *Impoliteness: Using language to cause offence*. Cambridge University Press.
- Donath, J. S. (1999). Identity and deception in the virtual community. *Communities in Cyberspace*, 29-59.
- Gorenc, N. (2022). Hate speech or free speech: An ethical dilemma? *International Review of Sociology*, 32(3), 413-425. <https://doi.org/10.1080/03906701.2022.2133406>
- Hariyati Ariffin. (2019, November 18). *Bahasa kurang sopan ubah cara komunikasi remaja masa kini*. Sinar Harian.
<https://www.sinarharian.com.my/article/57798/khas/pendapat/bahasa-kurang-sopan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>
- Indirawati Zahid. (2023). Ketamadunan bangsa dan kesantunan bahasa. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(2), 1-6. <https://doi.org/10.1080/03906701.2023.2133406>

- Jay, T. (2009). The utility and ubiquity of taboo words. *Perspectives on Psychological Science*, 4(2), 153–161. <https://doi.org/10.1111/j.1745-6924.2009.01115.x>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof, Karim Harun, Wan Robiah Meor Osman, Salinah Jaafar, & Rusmadi Baharuddin. (2024). *Perubahan normalisasi bahasa dalam komunikasi internet* (Laporan Kajian GUP-2023-034). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Megat Al Imran Yasin. (2020, September 24). Komen jelik bertebaran. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/09/623734/komen-jelik-bertebaran>
- Mohd Norazizi Samsudain, & Mardiah Shah Omar. (2022). Penggunaan unsur bahasa negatif terhadap hantaran isu 1MDB oleh pengguna Facebook. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 33(1), 87–107.
- Norhayati Umor, & Awan Ismail. (2022). Berita Covid-19: Suatu analisis kritikan pedas netizen di Facebook. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(1), 270-283.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, & Nik Norazira Abd Aziz. (2023). Kesopanan berbahasa masyarakat Malaysia mengikut Prinsip Kesopanan Leech. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(32), 397-411.
- Nursyafieqa 'Ifwat Mohmod Rofik, & Maizura Osman. (2024). Ungkapan kesat dalam penggunaan implikatur di media sosial pada musim pilihan raya. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 32(S1), 139–160.
- Oh My Media. (2025, January 22). *Suspek kelima pukul OKU direman !!* [Hantaran status]. Facebook. <https://www.facebook.com/ohmymedia.cc/posts/pfbid02YFiY2tsC5e7hVKfx3HihzUXZWrmzQ5F7S7PB3aFnURVaDFkHi9JyyEwRZcxwS3LKI>
- Pamirzad, Q. H. (2025). A qualitative exploration of hate speech manifestation in Afghanistan's Twitter-sphere. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 41(3), 1-20.
- Radiah Yusoff. (2012). Satu tinjauan terhadap ungkapan makian dan ke(tidak)santunan dalam interaksi internet. Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Maslida Yusof (Pnyt.), *Kesantunan berbahasa* (pp. 165-180). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sara Beden. (2024, June 24). Kesantunan dan sensitiviti dalam media sosial. *Utusan Borneo Online*. <https://www.utusanborneo.com.my/2024/06/24/kesantunan-dan-sensitiviti-dalam-media-sosial>
- Sinar Harian. (2025, March 5). 'Jangan besar-besarkan isu DJ Era' - Pempengaruh India [Hantaran status]. Facebook. <https://www.facebook.com/sinarharian/posts/pfbid02D8wnAy2SKV29kUsGM5KaXmkeib8frHkKckrAaoxYRACfK8aKXgMh2Z4VE1UiRiJMl>
- Stephens, R., Atkins, J., & Kingston, A. (2009). Swearing as a response to pain. *NeuroReport*, 20(12), 1056-1060.
- Süleyman Kasap. (2024). The linguistics of swearing: Why we curse and how it translates cultures. *3rd International Conference on Scientific and Innovative Studies*, 785-790.
- Suler, J. (2004). The online disinhibition effect. *CyberPsychology & Behaviour*, 7(3), 321-326.
- Van Lancker, D., & Cummings, J. L. (1999). Expletives: Neurolinguistic and neurobehavioral perspectives on swearing. *Brain Research Reviews*, 31(1), 83-104.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Nor Azuwan Yaakob. (2014). *Kesantunan berbahasa*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.